



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

BIL.53/ 2018

## PAMERAN RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN SUKU PERTAMA TAHUN 2018

1. Dalam tempoh urusan pendaftaran pemilih Suku Tahun Pertama Tahun 2018 (ST1/2018), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima sebanyak **114,128 permohonan pendaftaran pemilih baru** daripada warganegara yang layak dan **48,763** permohonan pertukaran bahagian pilihan raya daripada pemilih berdaftar.
2. Selaras dengan peruntukan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi ST1/2018 akan dipamerkan selama 14 hari mulai **23 Mei hingga 5 Jun 2018** di **961** tempat-tempat pameran di seluruh Negara seperti di Lampiran.
3. Pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baharu dan pemilih berdaftar yang memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Mac 2018 dinasihatkan untuk menyemak nama mereka dalam Rang DPT ST1/2018. Sekiranya pemohon mendapati namanya tidak disenaraikan dalam Rang DPT ST1/2018, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** melalui **Borang B**.
4. Bagi pemilih-pemilih berdaftar di satu-satu bahagian pilihan raya yang hendak membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama mana-mana orang di dalam Rang DPT ST1/2018 dalam satu-satu bahagian pilihan raya, boleh berbuat demikian, dengan mengisi **Borang C**.

5. Tuntutan atau Bantahan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pemilih (Pengarah Pilihan Raya Negeri) bagi kawasan pendaftaran yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh pameran Rang DPT itu diadakan.

6. Semasa tempoh Pameran Rang DPT ST1/2018, SPR juga mempamerkan nama-nama pemilih yang akan dikeluarkan daripada daftar pemilih. Antara asas SPR mengeluarkan nama pemilih berkenaan daripada daftar pemilih ialah kerana mereka ini telah meninggal dunia atau hilang taraf kewarganegaraan berdasarkan peruntukan Peraturan 10 dan 25(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

7. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baru dan pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Mac 2018 supaya membuat semakan nama mereka di tempat-tempat yang diwartakan.

8. Sebarang pertanyaan mengenai pameran Rang DPT ST1/2018 boleh menghubungi Ibu Pejabat SPR melalui nombor telefon 03-8892 7018 atau menghubungi mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri. Pemohon juga boleh melayari portal SPR di [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) atau menerusi aplikasi telefon pintar MySPR Semak untuk menyemak senarai nama yang dipamerkan dalam Rang DPT ST1/2018.

Sekian, terima kasih.

## **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 23 Mei 2018/ 7 Ramadhan 1439H

## LAMPIRAN

### JUMLAH TEMPAT-TEMPAT PAMERAN RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN (RDPT) SUKU PERTAMA TAHUN 2018

<b>BIL.</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>JUMLAH TEMPAT</b>
1	Pejabat Pilihan Raya Negeri	15
2	Pejabat Pos Berkomputer	437
3	Kompleks/ Pejabat Kerajaan	87
4	Pejabat Daerah/ Pejabat Tanah	166
5	Majlis Daerah/ Perbandaran	65
6	Dewan Serbaguna/ Rukun Tetangga/ Balai raya/ Penghulu/ Dewan	175
7	Lain-lain tempat	16
	<b>JUMLAH</b>	<b>961</b>